

SIDANG AMP-RIMA MENGENAI MASALAH HUTANG

Azmoon: Pendapatan naik tapi PMET turut berisiko terjerat hutang

Turut dibentang di sidang adalah kajian mengenai golongan yang meminjam wang dari pemiutang berlesen



SEMINAR BINCANG MASALAH HUTANG: (Dari kiri) Profesor Theseira; Pengerusi AMP, Encik Azmoon Ahmad; dan Zamil Penyelidikan Institut Pengajian Dasar (IPS) di Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew, Universiti Nasional Singapura (NUS), Dr Faizal Yahya berbincang semasa di seminar Community In Review anjuran AMP dan Rima semalam. - FOTO MOHD KHALID BABA

15 Feb 2015

ERVINA MOHD JAMIL

ANGGOTA masyarakat yang berpendapatan lebih tinggi, termasuk golongan profesional, pengurus, eksekutif dan teknisyen (PMET), juga menghadapi risiko terjerat dalam masalah hutang meskipun mereka umumnya dapat menjelaskan hutang mereka.

Ini kerana memandangkan golongan tersebut mempunyai akses kepada kredit, mereka juga boleh menghadapi masalah meminjam dengan berlebihan dalam pasaran hartanah atau hutang kad kredit.

Berkata demikian dalam ucapannya di seminar Community In Review anjuran Angkatan Karyawan Islam (AMP) bersama sayap kajiannya, Pusat Penyelidikan Hal Ehwal Islam dan Melayu (Rima), pengerusi AMP Encik Azmoon Ahmad, menjelaskan dengan pendapatan median masyarakat Melayu yang telah meningkat kepada \$3,844 pada 2010 daripada \$2,709 pada 2000, ia memberi bayangan bahawa keadaan kewangan mereka juga baik.

Bagaimanapun, tinjauan yang dijalankan AMP ke atas keluarga Melayu tahun lalu menunjukkan bahawa perbelanjaan mereka juga telah meningkat.

Justeru, perbelanjaan lebih tinggi ini mungkin ditampung pembelian dengan kredit.

Beliau merujuk kepada trend perbelanjaan keluarga Melayu. Antara 1992 dengan 2008, kadar pemilikan barangan seperti kereta, alat hawa-dingin dan komputer dalam keluarga Melayu meningkat dengan pesat.

"Trend ini menunjukkan perbelanjaan yang meningkat, yang mungkin atau mungkin tidak disokong oleh kenaikan pendapatan keluarga Melayu dalam tempoh yang sama.

"Perbelanjaan lebih tinggi ini kemungkinan disokong oleh pembelian menerusi kredit, sekali gus meningkatkan tanggungan kewangan keluarga," ujar Encik Azmoon, dalam seminar yang membincangkan masalah hutang di Singapura yang diadakan di Pusat Konvensyen Suntec semalam

Dalam pada itu, salah seorang penceramah di seminar itu, Penolong Profesor Ekonomi Universiti Teknologi Nanyang (NTU) Walter Edgar Theseira membentangkan kajiannya mengenai penduduk yang meminjam wang daripada pemiutang berlesen.

Sebanyak 85 peratus peminjam merupakan warga Singapura sementara yang lain merupakan penduduk tetap (PR) dan warga asing.

Sebahagian besar peminjam wang daripada pemiutang berlesen meraih pendapatan lebih rendah daripada pendapatan median.

"Ini bermakna sebilangan besar adalah golongan berpendapatan rendah yang tidak memiliki akses kepada sumber kredit bank. Itulah sebab mereka meminjam daripada pemiutang berlesen," kata Profesor Theseira.